

PELAKSANAAN KAEDAH PEMBIAYAAN SECARA LANGSUNG DALAM PEMBANGUNAN HARTA WAKAF DI MALAYSIA

Sakinatul Raadiyah Abdullah^{1*}, Surita Hartini Mat Hassan², Farahdina Fazial³, Salimah Yahaya⁴ & Che Khadijah Hamid⁵

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Pahang, Kampus Jengka, Bandar Tun Razak, Pahang, Malaysia

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Pahang, Kampus Raub, Pahang, Malaysia

³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani, Merbok, Kedah, Malaysia

^{4,5} Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Terengganu, Kampus Dungun, Terengganu, Malaysia

Authors' Email Address: *¹sakinatulraadiyah@uitm.edu.my, ²suritahartini@uitm.edu.my, ³farahdinafazial@uitm.edu.my, ⁴salimahyahya@uitm.edu.my, ⁵chekhadajah@uitm.edu.my

ABSTRAK

Wakaf telah wujud sejak dari zaman Rasullullah SAW dan berfungsi sebagai salah satu sumber kekuatan sosio-ekonomi umat Islam dengan ciri-cirinya yang tersendiri. Penyebaran maklumat berkenaan wakaf semakin meluas akhir-akhir ini dan kewujudan harta wakaf kini tumbuh dalam pelbagai bentuk. Sumber pembiayaan untuk membangunkan harta wakaf merupakan satu elemen yang menjadi fokus dalam pembangunan harta wakaf di Malaysia. Kini, terdapat pelbagai usaha dalam membangunkan harta wakaf. Kepelbagaian kaedah pembiayaan pembangunan harta wakaf merupakan sebagai salah satu transformasi yang semakin rancak dilaksanakan. Antara kaedah pembiayaan yang banyak dilaksanakan adalah melibatkan kaedah pembiayaan secara langsung. Persoalannya, bagaimanakah kaedah pembiayaan secara langsung ini dilaksanakan di Malaysia? Sejajar dengan itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti jenis-jenis kaedah pembiayaan secara langsung dalam pembangunan tanah wakaf. Kedua, menganalisis pelaksanaan kaedah pembiayaan secara langsung ini dalam pembangunan harta wakaf di Malaysia. Data diperolehi melalui sumber temu bual separa berstruktur bersama pegawai dan pengamal wakaf serta melalui data sekunder terutama penulisan, jurnal, artikel dan laman sesawang organisasi yang dikaji. Analisis dilakukan menggunakan analisis kandungan. Akhirnya, kaedah pembiayaan secara langsung dalam pembangunan harta wakaf semakin rancak dilaksanakan pada hari ini adalah melibatkan

kaedah wakaf tunai. Transformasi pelaksanaan kaedah ini telah membantu dalam pengumpulan dana bagi membangunkan harta wakaf khususnya yang melibatkan tanah wakaf sekali gus dapat membantu dalam memastikan tanah wakaf dapat dibangunkan dengan lebih produktif dan menjamin kelestarian manfaat harta wakaf di Malaysia khususnya.

Kata Kunci: Transformasi, Kaedah Pembiayaan, Pembiayaan Secara Langsung, Pembangunan Harta Wakaf, Malaysia.

1.0 PENGENALAN

Islam adalah cara hidup yang sempurna, baik dari segi kepercayaan atau kehidupan. Setiap amalan yang dilakukan boleh dianggap sebagai satu ibadah apabila perlaksanaannya mengikut kepada cara yang betul. Pembangunan harta wakaf merupakan satu tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh pemegang amanah wakaf iaitu *mutawalli*¹ agar manfaat harta wakaf berkenaan akan terus berkekalan. Pemilihan kaedah pembiayaan dalam membangunkan harta wakaf juga merupakan satu tuntutan dalam menentukan pembangunan harta wakaf yang bakal dilakukan akan menepati matlamat dan tatacara kehendak Islam. Hal ini kerana, harta wakaf berperanan penting dan berpotensi menjadi satu sumber dalam menguatkan sosio-ekonomi umat Islam. Antara peranan yang dikaitkan dengan harta wakaf adalah dapat membangunkan masyarakat dan negara umat Islam itu sendiri (Osman Sabran, 2000)².

Di Malaysia, hal ehwal pengurusan yang berkaitan harta wakaf adalah merupakan satu aspek kehartaan yang telah diperuntukkan dalam enakmen negeri masing-masing di bawah Jadual

¹ Selain daripada pewakaf dan penerima wakaf, *al- mutawalli* juga merupakan pihak yang terlibat dalam urusan pelaksanaan wakaf. *Mutawalli* adalah orang yang dipertanggungjawabkan untuk mentadbir dan mengurus perkara-perkara yang berkaitan dengan wakaf dan bergantung kepada ketetapan pewakaf pada surat ikatan wakaf (Razali Othman, 2013). *Mutawalli* juga boleh merujuk kepada sesuatu badan atau institusi pelaksana wakaf yang diiktiraf oleh pemerintah. Pelantikan *mutawalli* dibuat sama ada oleh pewakaf sendiri bagi wakaf khas mahupun pihak berkuasa jika wakaf am (Razali Othman, 2013). *Mutawalli* juga dikenali sebagai nazir. Nazir Khas pula merupakan *mutawalli* yang dilantik sendiri oleh pewakaf. Di Malaysia, pihak berkuasa yang berperanan sebagai *mutawalli* adalah MAIN. Dalam konteks ini, MAIN sebagai *mutawalli* perlu teliti dalam melaksanakan hasrat pewakaf kerana berdepan dengan kepentingan dan hak masyarakat (Siti Mashitoh Mahamood, 2006).

² Sejarah telah membuktikan bahawa wakaf berpotensi dalam menguatkan sosio-ekonomi Islam. Pengurusan pembiayaan harta wakaf di negara Islam seperti di Asia Barat seperti negara Turki dan Mesir boleh dijadikan contoh terbaik kerana negara tersebut telah melaksanakan dan menguruskan institusi wakaf dengan jayanya melibatkan hal-hal yang berkaitan dengan sosial dan ekonomi menerusi usaha pembiayaan kebajikan dan pembangunan negara (Kamarulzaman Sulaiman, 2005:120). Selain itu, beberapa sektor dalam masyarakat Islam seperti pelajaran dan pendidikan, kesihatan, kebajikan masyarakat, penjagaan alam sekitar, kajian sains dan perubatan, ketenteraan dan pertahanan juga dibiayai oleh hasil pendapatan daripada aset wakaf yang dilaburkan. Contohnya, Kepulauan Sicily, semasa berada di bawah pemerintahan Islam, telah mempunyai 300 sekolah rendah yang dibina dengan hasil pendapatan wakaf dan ini mencakupi perbelanjaan menguruskan sekolah seperti gaji tenaga pengajar dan peralatan sekolah (Abdul Malik, 1989).

Sembilan, Senarai II, Senarai Negeri (Artikel 74 (1)(2), Perlembagaan Pesekutuan).³ Melalui peruntukan ini telah menjadikan semua tanah wakaf yang didaftarkan akan ditadbir dan diuruskan oleh MAIN sama ada harta alih dan harta tidak alih (Baharuddin Sayin, 1998). Tujuan perlantikan MAIN sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf ini adalah untuk memastikan wakaf diurus dan ditadbir dengan baik, efisien sehingga dapat menjana hasil yang lumayan dan dapat dimanfaatkan oleh benefisiarinya atau bagi tujuan-tujuan kebajikan, sama ada telah ditentukan atau tidak ditentukan oleh pewakaf. Dalam memastikan pembangunan harta wakaf di Malaysia dapat dilaksanakan dengan baik dan lebih produktif, pemilihan kaedah pembiayaan perlulah diteliti oleh pemegang amanah agar pembangunan harta wakaf dapat dilaksanakan dengan lebih produktif dan berkesan. Justeru itu, kertas kerja ini akan mengupas satu kaedah pembiayaan pembangunan harta wakaf yang telah dilaksanakan di Malaysia iaitu melibatkan kaedah pembiayaan pembangunan harta wakaf secara langsung.

2.0 KAJIAN LEPAS

Perbincangan mengenai kaedah pembiayaan secara langsung telah banyak diketengahkan meliputi pelbagai aspek. Peranan kaedah pembiayaan secara langsung melibatkan wakaf tunai telah dibincangkan oleh Ahmad Zaki Abdul Latiff (2005) di mana menurut beliau, wakaf tunai ini telah memainkan peranan yang penting dalam sesebuah negara dan telah diamalkan sejak abad ke-2 Hijrah. Ini turut dinyatakan oleh Murat Cizakca (1998) dan Siti Mashitoh Mahamood (2007) yang berpendapat wakaf berkaedah wang dan dana telah menjadi kaedah wakaf yang dominan pada zaman Kerajaan Uthmaniyyah Turki yang berlaku di sekitar abad ke 15-16 M. Kajian Ermy Azziaty Rozali, Shahrir Fahmi Mohamad & Wan Kamal Mujani (2014) pula telah melihat daripada perspektif peranan wakaf tunai yang boleh dilaksanakan secara meluas pada masa sekarang. Perlaksanaan wakaf tunai ini mendapat sambutan masyarakat disebabkan beberapa faktor. Menurut Amirul Faiz Osman, Sheila Nu Nu Htay dan Mustafa Omar Muhammad (2012), antara faktor-faktor yang mempengaruhi masyarakat Muslim terutamanya di Malaysia dalam melakukan sumbangan berkaedah wakaf tunai adalah kerana ibadah wakaf merupakan amalan yang digalakkan oleh agama, kefahaman dalam melakukan wakaf tunai, kepercayaan yang diberikan kepada institusi wakaf dalam mengurus dan mentadbir harta wakaf, pengurusan yang cekap dan faktor persekitaran.

Kajian berkaitan wakaf kaki telah dilakukan oleh Alias Azhar & Wan Suhairan Wan Ahmad (2017) berkenaan peranan Majlis Agama Islam Negeri Kedah dalam pelaksanaan skim wakaf kaki. Pelaksanan skim wakaf kaki di Negeri Kedah memfokuskan kepada pembangunan institusi pendidikan dan masjid. Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Rohayati Hussien, Rusnadewi Rasyid & Noor Inayah Yaakub (2016) memfokuskan pelaksanaan skim wakaf kaki untuk merealisasikan impian anak yatim ke institusi pengajian tinggi. Berbeza dengan kajian Siti Mashitoh Mahamood, Asmak Ab Rahman, Hasnol Zam Zam Ahmad, & Syarqawi Muhammad

³ Merujuk kepada Enakmen, MAIN adalah Pemegang Amanah Tunggal bagi kesemua harta wakaf, termasuk Wakaf Am atau Wakaf Khas, bagi semua Nazar Am dan jenis amanah yang menjadi Amanah Khairat kerana bantuan dan kemajuan Islam dan faedah bagi orang-orang Islam mengikut hukum syarak (Che Zuina Ismail, 2005).

(2007) yang membincangkan berkaitan jenis wakaf *Irsyad* yang juga tergolong daripada jenis kaedah pembiayaan secara langsung. Selain itu, Mohd Ali Muhammad Don (2019) menghuraikan berkaitan teori, kepelbagaian dan amalan wakaf seperti wakaf *khairy*, wakaf *zurriy*, wakaf *Irsad*, wakaf *musytarak*, dan wakaf tunai di Malaysia.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian adalah secara kualitatif deskriptif dengan menggunakan analisis kandungan sebagai kaedah penganalisan. Data diperolehi melalui sumber temu bual separa berstruktur bersama pegawai dan pengamal wakaf. Temu bual telah dilakukan bagi mendapatkan maklumat lebih terperinci terhadap pelaksanaan kaedah pembiayaan pembangunan harta wakaf ini. Selain itu, sumber data sekunder turut diperolehi melalui penulisan, jurnal, artikel dan laman sesawang organisasi yang dikaji. Analisis dilakukan menggunakan analisis kandungan.

4.0 DAPATAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian diolah untuk menjawab dua objektif utama iaitu untuk mengenalpasti jenis-jenis kaedah pembiayaan secara langsung dalam pembangunan tanah wakaf. Kedua, menganalisis pelaksanaan kaedah pembiayaan secara langsung ini dalam pembangunan harta wakaf di Malaysia. Berdasarkan kepada hasil dapatan kajian, dapat dilihat bahawa transformasi kaedah pembiayaan pembangunan harta wakaf secara langsung merangkumi dua jenis kaedah yang dominan dilaksanakan di Malaysia. Pelaksanaan kaedah pembiayaan secara langsung ini juga dalam pembangunan harta wakaf dilihat banyak telah dilaksanakan oleh setiap MAIN di Malaysia.

4.1 JENIS-JENIS KAEDAH PEMBIAYAAN SECARA LANGSUNG

Pembiayaan secara langsung dalam pembangunan harta wakaf adalah merupakan satu kaedah di mana mendapatkan dana secara langsung daripada masyarakat awam dan menggunakan dana yang diperolehi bertujuan untuk membangunkan harta wakaf. Terdapat beberapa kaedah pembiayaan secara langsung yang telah dikenal pasti telah dilaksanakan oleh MAIN di Malaysia antaranya adalah seperti berikut:

4.1.1 Wakaf Tunai

Kaedah pembiayaan pembangunan harta wakaf seperti wakaf tunai tidak dinafikan memiliki potensi besar untuk membangunkan ekonomi umat Islam dalam membiayai aktiviti sosial serta kebudayaan masyarakat Islam terutamanya sektor pendidikan. Hal ini kerana, wakaf yang suatu ketika dahulunya dahulunya hanya dikenali sebagai wakaf harta berbentuk harta kekal, kini telah dikembangkan menggunakan konsep wakaf tunai dan konsep kontemporari yang lain

(Muhammad Sofiyuddin Zakaria Mohd Zamro Muda, 2017). Menurut Mustapahayuddin Abdul Khalim dan Noor Hani Zakaria (2012), melalui kaedah wakaf tunai ini, bukan sahaja modal atau harta yang diwakafkan itu dapat dipertahankan, malah ianya akan memberi keuntungan yang berlipat ganda dan dapat melahirkan lebih banyak lagi harta-harta wakaf yang baru dalam kaedah harta kekal.

Wakaf tunai dapatlah difahami sebagai wakaf yang diwujudkan dengan menggunakan wang tunai dan hasil manfaatnya digunakan untuk tujuan kebaikan dengan tujuan mendapatkan keredhaan Allah SWT (Murat Cizakca, 1995). Wakaf tunai ini juga berperanan sebagai salah satu skim yang menggalakkan orang ramai menyumbang wakaf yang berkekalan melalui tunai dengan nilai minimum dan dana wakaf tunai yang terkumpul akan disatukan sebagai modal untuk membeli serta membangunkan harta kekal seperti tanah, bangunan dan sebagainya (Kamal Amram Kamarudin, Zurina Shafii, Azzerol Effendi Abdul Kadir, Mohammad Haji Alias, 2014). Pendapat ini selari dengan pandangan daripada informan yang menyatakan bahawa:

“Ya, memang itulah pendekatan yang digunakan hari ini. Menggunakan wang sebagai kaedah untuk mewujudkan wakaf. Sebab pada hari ini untuk mencari mereka yang mempunyai harta sebagaimana pada masa dulu sangatlah sukar. Oleh itu, kita menggunakan mekanisme wakaf tunai ini untuk memberi peluang segenap lapisan masyarakat untuk melaksanakan ibadah wakaf. Wakaf tunai ini merupakan mekanisme yang boleh dilaksanakan di segenap lapisan masyarakat yang miskin dan kaya.”

Selain itu, dalam bahagian yang lain, beliau turut menekankan keperluan untuk meneruskan amalan wakaf tunai. Beliau menyatakannya begini:

“Wakaf tunai sebenarnya lebih mudah dan senang untuk dilaksanakan berbanding wakaf harta tak alih seperti wakaf tanah. Sesiapa sahaja yang mempunyai wang walaupun sedikit, ia boleh berjariah menerusi pendekatan ini, berbanding wakaf harta tak alih yang sukar untuk dipelbagaikan manfaatnya. Selain itu, adanya kemudahan yang telah disediakan bagi mereka yang ingin melaksanakan wakaf tunai seperti melalui potongan gaji secara berjadual, pemindahan kredit atas talian (on-line) serta melalui perbankan internet.

Pandangan informan dilihat selari dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Magda Ismail Abdel Mohsin (2007), Siti Mashitoh Mahamood et al. (2007: 8-10), Razali Othman (2014: 336-340). Tambahan pula kemudahan yang disediakan untuk berwakaf pada hari ini berkonsepkan mesra pelanggan, cepat dan efisien seperti yang disebutkan oleh Mohammad Tahir Sabit Mohammad et al. (2005). Kedua-dua justifikasi berkenaan dilihat mempunyai peranan yang besar yang menunjukkan bahawa kaedah wakaf tunai merupakan salah satu kaedah pembiayaan pembangunan yang kontemporari bagi membangunkan tanah wakaf.

4.1.2 Wakaf Kaki dan Wakaf *Irsyad*

Wakaf kaki ini dapat dikenali sebagai wakaf petak atau wakaf lantai. Instrumen wakaf ini merupakan satu kaedah dalam pengurusan pembiayaan wakaf yang boleh diketengahkan bagi sumber wakaf pendidikan. Menurut Mohd Affendi Mohd Rani (2012) dan Alias & Wan Suhairan (2017), konsepnya melalui cara nazir wakaf atau pemegang amanah akan membeli keseluruhan hartanah dan kemudiannya tanah tersebut akan dibahagikan kepada lot-lot tertentu mengikut saiz dan dijual kepada orang ramai dengan harga tertentu dan akhirnya tanah-tanah yang dibeli ini akan disyaratkan agar diwakafkan semula kepada nazir. Kaedah dana kewangan berasaskan wakaf kaki ini pastinya dapat meringankan beban pengendali institusi pengajian tinggi Islam dalam tempoh jangka masa panjang berbanding jika menggunakan dana kewangan yang diperoleh melalui pinjaman dari institusi kewangan seperti bank bagi tujuan pembangunan infrastruktur (Mokhtar, Mohd Isa, Muna & Hairullfazli, 2015).

Menurut informan yang telah ditemu bual, beliau turut menyatakan bahawa trend berwakaf dalam kaedah wakaf kaki sudah semakin menjadi tumpuan masyarakat kerana berwakaf tidak lagi menjadi beban dan semua lapisan masyarakat boleh berwakaf kerana nilai satu kaki wakaf tersebut tidak membebankan. Ini membuktikan bahawa kaedah wakaf kaki ini sangat berkesan perlaksanaannya kerana masyarakat yang ingin berwakaf tidak perlu mengeluarkan modal yang tinggi untuk berwakaf. Kaedah ini akan menggalakkan masyarakat berwakaf dalam nilai yang kecil tetapi memberikan impak yang besar kepada penerima wakaf.

Wakaf *Irsyad* pula diertikan sebagai tanah yang diwakafkan oleh pemerintah bagi tujuan kemaslahatan umum seperti sekolah, hospital dan lain-lain. Menurut Siti Mashitoh Mahamood, Asmak Ab Rahman, Hasnol Zam Zam Ahmad dan Syarqawi Muhammad (2007), perkataan wakaf *Irsyad* berasal daripada dua perkataan Arab, iaitu “*waqf*” dan “*irsad*” di mana apabila digabungkan, ia menjadi “*waqf al-irsad*” dan ini merujuk kepada pewakafan harta daripada pihak pemerintah dan juga daripada badan-badan atau organisasi-organisasi tertentu.

Istilah wakaf *Irsyad* dapat dilihat di beberapa enakmen negeri. Antaranya seperti Enakmen Selangor di bawah Seksyen 9(2) (a) Enakmen Wakaf Orang Islam (Selangor) 1999 (No. 7 tahun 1999) ini telah mentafsirkannya sebagai “sesuatu tanah yang diwakafkan oleh mana-mana perbadanan, institusi, pertubuhan atau badan-badan lain menurut hukum syarak”. Manakala, Enakmen Melaka di bawah seksyen Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005 (No. 5 tahun 2005) pula meletakkan tafsirannya sebagai “wakaf daripada tanah Baitulmal, tanah kerajaan atau tanah mana-mana perbadanan, institusi, pertubuhan atau badan-badan lain menurut hukum syarak”. Manakala, Manual Pengurusan Tanah Wakaf Jabatan Wakaf Zakat dan Haji 2006 pula memberikan takrif wakaf *Irsyad* bermaksud penyerahan mana-mana tanah sebagai wakaf oleh mana-mana pihak berkuasa negeri, kerajaan persekutuan atau mana-mana perbadanan, institusi, organisasi atau badan-badan lain menurut hukum syarak.

4.2 ANALISIS PELAKSANAAN KAEDAH PEMBIAYAAN SECARA LANGSUNG DI MALAYSIA

Di Malaysia dewasa ini, pendekatan wakaf tunai sudah mula diamalkan oleh beberapa buah majlis agama Islam negeri dan juga syarikat swasta. Dalam konteks di Malaysia, Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-77 yang bersidang pada 10-12 April 2007 di Kuala Terengganu telah memutuskan bahawa berwakaf dalam kaedah wang tunai dibolehkan dalam Islam. Perkara ini turut sokong oleh kenyataan Mustapahayuddin Abdul Khalim dan Noor Hani Zakaria (2014) yang menyatakan Imam Az-Zuhri seorang ulama terkenal dalam ilmu hadis telah memfatwakan bahawa berwakaf dalam kaedah dinar dan dirham adalah diharuskan bagi tujuan berdakwah, kebajikan ummah dan pendidikan umat Islam. Fatwa yang telah dikeluarkan ini merupakan manifestasi berhubung dengan pengiktirafan harta tidak alih, seperti wang tunai sebagai salah satu kaedah harta wakaf yang telah diterima pakai di Malaysia.

Pelaksanaan wakaf tunai oleh beberapa buah majlis agama Islam negeri (MAIN) seperti di Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) ialah satu kaedah wakaf tunai yang dikenali sebagai skim saham wakaf. Melalui konsep skim saham wakaf ini, MAIN akan bertindak sebagai pemegang amanah dan peserta perlu membeli saham-saham wakaf tadi dan kemudian mewakafkannya. Wang sumbangan jualan saham tadi akan dikumpulkan di bawah satu dana khas dan akan disalurkan kepada program-program berkaedah ekonomi, pendidikan, sosial dan am bergantung kepada pilihan yang dibuat oleh peserta tadi. Walaupun secara amnya skim saham wakaf ini juga merupakan satu kaedah wakaf tunai, tetapi ia dibatasi kepada projek-projek tertentu sahaja dan wang tadi tidak dikembangkan secara terus melalui instrumen-instrumen pelaburan moden. Ini mungkin disebabkan kekurangan kepakaran mahu pun kekurangan dari segi sumber dana yang terkumpul. Bagaimanapun bagi syarikat-syarikat besar masalah dana untuk diwakafkan tentu tidak menjadi satu halangan. Cumanya ia memerlukan kepada kesanggupan pemiliknya untuk menyumbang ke arah kebaikan sejagat. Salah satu institusi korporat yang telah menunjukkan kesanggupannya ialah Johor Corporation Berhad (JCorp). JCorp telah mewakafkan saham-saham miliknya di dalam tiga buah anak syarikatnya yang tersenarai iaitu Kulim (Malaysia) Bhd., KPJ Healthcare Bhd. dan Johor Land Bhd dengan nilai harta bersih berjumlah RM200 juta di bawah kelolaan Kumpulan Waqaf Annur Bhd. Perolehan dividen daripada saham-saham ini akan diagih-agihkan untuk dilaburkan semula, diberikan kepada Majlis Agama Islam dan juga untuk kerja-kerja amal dan kebajikan umat Islam negara ini.

Selain itu juga penerimaan meluas daripada masyarakat terhadap wakaf tunai juga dilihat dapat menyelesaikan masalah kekurangan sumber pembiayaan kepada pembangunan tanah-tanah wakaf terbiar yang berselerak di seluruh negara. Paling tidak, daripada dibiarkan berterusan terbiar tanpa memberi manfaat kepada masyarakat dan juga pewakaf, mungkin tanah-tanah wakaf terbiar perlu dicairkan dan wang yang diperoleh dimasukkan ke dalam dana wakaf tunai. Ini lebih berfaedah dan bermanfaat untuk ummah.

Penggunaan kaedah pembiayaan secara langsung menerusi wakaf kaki atau wakaf *irsyad* dapat dilihat kebiasaannya dianjurkan oleh institusi pendidikan atau badan-badan tertentu untuk

mendapatkan dana bagi membiayai aktiviti pembangunan. Sekiranya pembangunan yang ingin dilaksanakan telah selesai, maka skim ini akan ditamatkan. Sebagai contohnya Zakaria Bahari (2013) mencadangkan kaedah berwakaf dalam kaedah wakaf bangunan dan wakaf kaki untuk pembinaan kompleks Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) di Universiti Sains Malaysia (USM). Beliau menyatakan kaedah ini adalah berdasarkan persetujuan antara ISDEV dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), kaedah wakaf kaki ini dilaksanakan dengan cara mengedar risalah kepada orang ramai berdasarkan wakaf per kaki persegi dan kemudiannya, penerimaan wakaf kaki ini seterusnya akan dibadalkan kepada kaedah bangunan ISDEV. Justeru, perluasan penggunaan kaedah berwakaf kaki dan *Irsyad* ini dapatlah diperluaskan penggunaannya bukan sahaja kepada institusi keagamaan bahkan kepada pusat-pusat komersial, pusat kesihatan dan rekreasi yang diwujudkan berteraskan kepada hukum syarak serta sokongan daripada kerajaan mahupun agensi Islam lain yang meraih keuntungan yang tinggi dalam perniagaan seharusnya dapat memainkan peranan yang penting dan besar bagi memartabatkan sosioekonomi umat Islam terutamanya sektor pendidikan. Pengurusan harta wakaf melalui kaedah wakaf ini juga lebih tertumpu kepada kemaslahatan ummah sejagat.

5.0 KESIMPULAN

Secara praktikalnya, kaedah pembiayaan secara langsung dalam pembangunan harta wakaf telah melalui transformasi yang telah menjadikan wakaf tunai dilihat sebagai salah satu alternatif yang menjadikan wakaf berpotensi untuk dikembangkan dalam kalangan umat Islam. Kaedah fizikal wakaf tunai yang mudah alih menjadikan kaedah ini lebih mudah untuk diuruskan dan dapat dijadikan sebagai alat untuk menjana dan memperkembangkan wakaf ke tahap yang maksimum.

Cumanya sekarang, langkah untuk memasyhurkan pendekatan wakaf tunai di kalangan masyarakat dan syarikat korporat milik orang Islam perlu dipergiatkan. Wakaf tunai sebenarnya lebih senang untuk dilaksanakan berbanding wakaf harta tak alih seperti wakaf tanah. Sesiapa saja yang mempunyai wang walaupun tidak banyak boleh melakukan amal jariah menerusi pendekatan ini. Berbanding wakaf harta tak alih yang sukar untuk dipelbagaikan manfaatnya, ciri mudah cair yang ada pada wang tunai memungkinkan ia disalurkan untuk pelbagai tujuan kebajikan dengan lebih senang dan berkesan. Semoga dengan transformasi ini akan memberikan impak positif ke atas usaha pembangunan harta wakaf yang lebih produktif.

Corresponding Author

Sakinatul Raadiyah Abdullah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Pahang, Kampus Jengka, Bandar Tun Razak, Pahang, Malaysia. Email : sakinatulraadiyah@uitm.edu.my

RUJUKAN

- Abdul Halim Ramli & Kamarulzaman Sulaiman (2006). *Pembangunan Harta Wakaf: Pengalaman Negara-Negara Islam*. Kertas kerja dibentangkan dalam Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006 pada 12-14 September 2006 di Kuala Lumpur.
- Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Pindaan 2002) (Akta 505).
- Alias Azhar & Wan Suhairan Binti Wan Ahmad (2017). Penawaran Skim Wakaf Kaki: Kajian Kes Di Bahagian Wakaf Majlis Agama Islam Negeri Kedah. *Journal Of Humanities, Language, Culture And Business (Hlcb)* Vol. 1: No. 6 (December 2017) www.lcohlcb.Com. E-ISSN: 01268147.
- Baharuddin Sayin, Amak Ali & S. Salahudin Suyurno (2006). *Pengenalan Pengurusan Wakaf di Malaysia*. Pusat Penerbitan Universiti UPENA: UiTM.
- Che Zuaina Ismail (2010). *Perundangan Wakaf Di Malaysia: Analisis Beberapa Isu Berbangkit*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam 5th ISDEV International Graduate Workshop 2010 di USM, Pulau Pinang.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 (Enakmen Nombor 4 Tahun 2004).
- Fatwa Ke 23, Himpunan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Berhubung Dengan Isu-Isu Muamalat (2008). *Hukum Membangunkan Tanah Wakaf Khas Dengan Membangunkan Selain Niat Asal Pewakaf*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Putrajaya.
- Hydzulkifli Hashim & Asmak Ab. Rahman (2012), *Pengurusan Pembangunan Harta Wakaf: Pengalaman Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) Terhadap Wakaf Seetee Aishah*. *Jurnal Pengurusan (IJMS 19, 2)*, Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Manual Pengurusan Tanah Wakaf* (2005), Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.
- Manual Pengurusan Wakaf Tunai* (2009). Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.
- Mohamad Akram Laldin, Mek Wok Mahmud & Mohd. Fuad Sawari (2010), *Maqasid Syariah Dalam Pelaksanaan Waqaf*, *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Putrajaya.
- Mohd Ali Muhammad Don (2019). Teori Wakaf, Kepelbagaian dan Contoh Amalan di Malaysia.: *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara 20(2019): 24-39*
- Mohamad Zaim Ismail, Khadher Ahmad, Mohd Farhan Md. Ariffin & Muhammad Ikhlas Rosele (2013), *Pemeriksaan Wakaf di Malaysia: Satu Sorotan*. Kertas Kerja yang dibentangkan dalam 5th Islamic System Conference (iECONS 2013) pada 4-5 September 2013. Anjuran Universiti Sains Islam Malaysia.
- Muhammad Sofiyuddin Zakaria, and Mohd Zamro Muda, (2017) *Sorotan literatur pelaksanaan wakaf tunai di Malaysia*. *Islamiyyat : Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam; International Journal of Islamic Studies*, 39 (1). pp. 39-46. ISSN 0216-5636
- Osman Sabran (2002). *Pengurusan Harta Wakaf*, Skudai. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

- Razali Othman (2013), *Institusi Wakaf: Sejarah Dan Amalan Masa Kini*. Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Rohayati Hussien, Rusnadewi Rasyid & Noor Inayah Yaakub (2016) Skim Wakaf Kaki: Merealisasikan Impian Anak Yatim Dan Miskin Untuk Pendidikan Tinggi. In. Mohd Solahuddin Shahrudin et al (Eds). *Sinergisme wakaf pendidikan tinggi di malaysia* (pp.115-125). UiTM.
- Wahbah Zuhaily, *Ihya Nizam al-Waqf wa Fiqhuhu Mahliyan wa Dauliyan*, kertas kerja di Mukmat al-Shariqah li al-Waqf al-Islami, 26-27 April 2005, Sarjah, UAE.
- Zakaria Bahari (2012), *Pemeriksaan Instrumen Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi*. Kertas kerja yang dibentangkan di International Conference on Religiosity In Development di Hotel Madani, Medan pada 26-27 April 2012, anjuran Universitas Medan Area (UMA), Medan, Indonesia.